



INSTITUTE FOR
YOUTH RESEARCH
MALAYSIA

KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM MALAYSIA LITTLE LEAGUE (MiLL)

PENGENALAN

Kementerian Belia dan Sukan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia buat julung kalinya menganjurkan satu aktiviti pertandingan bola sepak iaitu Program Liga Tunas Malaysia (*Malaysia Little League*, MiLL) yang melibatkan pelaksanaan di peringkat daerah negeri dan kebangsaan. Penyertaan program ini terbuka kepada semua sekolah harian dan tidak melibatkan sekolah sukan dengan tiga kategori pertandingan iaitu Lelaki dan Wanita bawah 16 tahun serta Lelaki bawah 12 tahun.

METODOLOGI KAJIAN

1. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui survei secara atas talian dan edaran borang soal selidik
2. Responden terlibat:
 - (a) 351 orang peserta yang menyertai MiLL;
 - (b) 61 orang kategori Pelaksana (jurulatih, pengurus, dan pegawai sukan)
3. Garis masa pelaksanaan kajian bermula September 2022 sehingga Mac 2023. Proses pengumpulan data bermula September hingga Disember 2022.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti kepuasan peserta dan pelaksana terhadap penganjuran program MiLL;
2. Mengukur persepsi pelaksana terhadap keberkesanan program MiLL.
3. Mengukur kesan pelaksanaan program MiLL terhadap pembangunan bakat sukan dalam kalangan peserta;
4. Mengenal pasti pola perbelanjaan peserta dan pelaksana semasa pelaksanaan program MiLL;
5. Mengkaji kefahaman pelaksana berkaitan penganjuran program MiLL; dan


Bagi laporan penuh kajian, sila layari portal IYRES

DAPATAN KAJIAN

KEPUASAN HATI

| PELAKSANA | | PESERTA |
|-----------|--|---------|
| 4.33 | HEBAHAN MENGENAI PROGRAM | 4.32 |
| 4.33 | MAKLUMAT BERKENAAN PROGRAM | 4.28 |
| 4.46 | PEMILIHAN LOKASI PERTANDINGAN | 4.23 |
| 3.87 | PENYEDIAAN KEMUDAHAN AWAM | 4.26 |
| 4.26 | TAHAP KESELAMATAN SEMASA PERTANDINGAN | 4.33 |
| 4.23 | PERKHIDMATAN PERUBATAN YANG DISEDIAKAN | 4.23 |
| 3.90 | PROSES PENGADILAN PROGRAM | 3.93 |
| 4.30 | PERALATAN PERTANDINGAN YANG DISEDIAKAN | 4.37 |
| 4.31 | TEMPOH MASA PENGANJURAN PROGRAM | 4.15 |
| 3.95 | HADIAH YANG DITAWARKAN | 4.29 |
| 4.21 | PENGENDALIAN PROGRAM OLEH URUSETIA | 4.18 |

PERSEPSI PELAKSANA TERHADAP PROGRAM



FAKTOR PENGLIBATAN PESERTA

